

Terowong elak 4 banjir besar

Laluan bawah tanah ditutup 10 kali lengkung air sungai ke kawasan tadahan

Oleh Ziauddin Sharuddin
zia@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (Smart) yang beroperasi sejak Jun tahun lalu berjaya mengelakkan empat banjir besar yang boleh melumpuhkan sesetengah kawasan pusat bandar raya.

“*Jika tidak dilencongkan, sekitar Masjid Jamek seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Munshi Abdullah dan Jalan Dang Wangi dilanda banjir*”


Low Koon Sing
Pengarah Pusat Kawalan Smart

Sepanjang tempoh itu, Pusat Kawalan Smart yang dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengarahkan terowong jalan Smart ditutup sebanyak 10 kali bagi melencongkan lebih air Sungai Klang ke kolam takungan Taman Desa.

Pengarah Pusat Kawalan Smart, Low Koon Sing, berkata dalam keadaan biasa apabila terowong jalan dibuka kepada lalu lintas, aliran air Sungai Klang adalah di bawah 70 meter sesaat atau dikenali sebagai Mod 1.

Sepanjang tempoh itu, katanya sebanyak 20 lengcongan membabitkan Mod 2, iaitu apabila aliran air Sungai Klang antara 70 hingga 150 meter sesaat, tetapi tidak memerlukan terowong jalan ditutup.

Bagaimanapun, katanya 10 lengcongan dibuat membabitkan Mod 3, iaitu apabila aliran air sungai melebihi 150 meter sesaat.



HALANG BANJIR: Terowong jalan Smart terpaksa ditutup untuk kerja lengcongan air.

“Mod 3 memerlukan terowong jalan Smart ditutup bagi melencongkan air dari kolam tadahan Kampung Berembang ke kolam takungan Taman Desa.

“Jika tidak dilencongkan, kawasan pusat bandar raya se-

kitar Masjid Jamek seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Munshi Abdullah dan Jalan Dang Wangi akan dilanda banjir yang biasa berlaku sebelum ini,” katanya kepada *Berita Minggu*, semalam.

Sementara itu, Pengurus

Besar Operasi Syarikat Konseksi Smart, Mohd Fuad Kamal Ariffin, berkata terowong Smart yang ditutup kepada lalu lintas pada jam 3.50 petang Khamis lalu mula dibuka semula jam 9 malam tadi.